

Sinar Harian 19/9/2017 (SELASA)



Sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam *Fun Ride*.

Santai berbasikal dalam *Fun Ride*

KUANTAN - Lebih 100 peserta mengambil bahagian dalam program berbasikal UMP *Fun Ride* sejauh 40 kilometer anjuran Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung di UMP Pekan, kelmarin.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir, berkata, program berbasikal dianjurkan sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2016 - 2020 dalam menjana kegemilangan seterusnya jadikan UMP sebagai Universiti Teknologi Terunggul dengan menyediakan pelbagai aktiviti membudayakan gaya hidup sihat.

"Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti menyemarakkan sambutan Hari Malaysia dan dapat memperkenalkan kampus

UMP kepada masyarakat sekeliling," katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd Rahman Safie.

Selain itu, ia adalah sebagai menyokong usaha Universiti dalam memperkenalkan budaya dan tempat menarik di Pahang terutamanya di Pekan bersempena Visit Pahang 2017 serta memperkenalkan UMP sebagai Pusat Edu-Tourism Pahang.

Antara laluan peserta melibatkan Tanjung Selangor, Tanah Putih, Muzium Pekan, Padang Polo dan Kampung Marhum.